

PERSEPSI STAF KUIM TERHADAP KEBOLEHPASARAN GRADUAN

Siti Mahera Ahmat Amin
Kolej Universiti Islam Melaka
sitimahera@kuim.edu.my

Hartini Adenan
Kolej Universiti Islam Melaka
hartini@kuim.edu.my

Corresponding Author's Email: sitimahera@kuim.edu.my

Article history:

Received : 24 May 2021

Accepted : 28 May 2021

Published : 31 October 2021

ABSTRAK

Kebergantungan para graduan kini bukan hanya bergantung kepada kepandaian individu dalam bidang akademiknya semata-mata malah pendedahan graduan terhadap segala aspek yang berkait rapat dengan jalinan kerjasama bersama pihak industri turut memainkan peranan dalam memberikan mereka pencerahan tentang dunia pekerjaan yang sebenar. Nyata, pihak institusi pengajian tinggi menghadapi cabaran dari segi melahirkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran seiring dengan kehendak industri. Kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti persepsi staf KUIM mengenai jalinan kerjasama antara institusi pengajian tinggi dengan industri yang dapat mempengaruhi kebolehpasaran graduan di Kolej Universiti Islam Melaka. Penyelidik menggunakan instrumen soal selidik yang telah diedarkan kepada 150 orang responden yang terdiri di kalangan staf akademik dan juga staf pentadbiran di Kolej Universiti Islam Melaka. Reka bentuk kajian tinjauan digunakan dalam memperoleh data. Soal selidik lima mata digunakan bagi mendapatkan data. Penyelidik telah menggunakan Statistical Package For Social Science (SPSS) Versi 25 untuk melaksanakan kajian ini. Dapatan kajian ini dapat membantu pihak institusi pengajian tinggi khususnya pihak Kolej Universiti Islam Melaka untuk mengenalpasti jenis atau bentuk jalinan kerjasama yang diperlukan supaya boleh menambahbaik kualiti graduan KUIM sendiri dalam memastikan graduan ini mampu berdaya saing di pasaran.

Kata Kunci: Jalinan Kerjasama, Jalinan Industri, Kebolehpasaran

THE PERCEPTIONS OF KUIM STAFFS TOWARD GRADUATES MARKETABILITY

ABSTRACT

Graduates nowadays no longer can depend on their academic achievements only but they also need the exposure on every single aspect of the industrial relation in order to ensure they have great understanding on the real working environment. Obviously the higher institutions are facing with the challenge in producing graduates with higher marketability in line with the industry requirements. This study was conducted to identify the perception of KUIM staffs toward the types of cooperation or collaborations that might be developed effectively with the higher learning institutions that can affect the graduate's marketability especially in Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). The researcher used questionnaire as the instrument to collect 150 respondents among the academic staff and also the administrative staff in KUIM. A five-points questionnaires was used to obtain data. The researcher used Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 25 to conduct this study. The research's finding will help the higher learning institution especially KUIM to improvise the quality of the graduates and ensuring the graduates are competitive in the market.

Keywords: *Tahfiz Bestari, Perception, Interest*

PENDAHULUAN

Sistem pendidikan kini bukan lagi memerlukan tenaga kerja yang hanya tertumpu dari segi pengetahuannya di dalam skop kerjanya malah mereka perlulah sentiasa mempersiapkan diri dengan informasi terkini dan teknologi terbaru digunakan di dalam industri untuk melestarikan lagi kedua entiti ini. Laporan Kementerian Pendidikan (2018) menunjukkan kadar kebolehpasaran graduan pada 2017 meningkat sebanyak 1.8 peratus sahaja, iaitu daripada 77.3 peratus bagi 2016 kepada 79.1 peratus bagi 2017 di mana ini menunjukkan pihak institusi pengajian tinggi menghadapi cabaran dari segi melahirkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran seiring dengan kehendak industri. Bagi memastikan sesebuah institusi pengajian tinggi berjaya melahirkan graduan yang bersifat holistik dan memenuhi kehendak pasaran, sesebuah institusi itu perlulah memastikan jalinan jaringan industri yang di adakan berjaya mencapai tahap optimum dan bukanlah satu bentuk jalinan kerjasama yang sia-sia.

Menurut laporan akhbar yang ditulis oleh Che Lah (2019), era globalisasi yang diwarnai dengan kecanggihan Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) menjadikan universiti sebagai antara pemangkin kepada pembangunan negara. Universiti kini bukan sahaja dilihat sebagai pusat cendekiawan mempunyai pakar dalam pelbagai bidang menjadi platform

sempurna untuk jalinan kerjasama baik sesama universiti, industri mahupun pelbagai agensi. Ini demi merealisasikan aspirasi negara dalam melahirkan masyarakat berdaya saing dan graduan masa depan memiliki kemahiran, kebolehan dan nilai kemanusiaan yang sesuai dengan kepesatan perubahan teknologi.

Demi mencapai aspirasi negara, kesemua institusi pengajian tinggi perlu mempunyai daya tampung yang baik dari segi pelaksanaan hubungan strategik bersama tenaga pakar industri bagi membentuk sinergi antara pakar akademik dan juga pakar industri. Kedua entiti ini tidak sepatutnya dilihat dari dua sudut pandang yang berbeza kerana para graduan kini perlu mampu berdaya saing bukan sahaja dari kebijaksanaan dalam akademik malah juga dalam kemahiran insaniah, Antara kemahiran insaniah digariskan adalah kemahiran komunikasi, menggunakan teknologi, merancang dan mengelola aktiviti, bekerja dengan orang lain dan dalam kumpulan, menyelesaikan masalah, mengurus, memilih dan menganalisis maklumat, menggunakan idea dan teknik matematik, memahami budaya dan kemahiran persediaan untuk kerjaya (Rusmin, 2015).

Kesemua kemahiran ini mampu dimiliki pelajar sekiranya institusi pengajian tinggi menyediakan satu platform untuk membentuk pelajar ini mencapai semua kemahiran yang diperlukan oleh pihak industri berkenaan. Menurut Zainal (2018), Kementerian Pengajian Tinggi telah menggariskan tujuh pendekatan efektif dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan iaitu; latihan secara formal, latihan secara tidak formal, program keusahawanan, perkongsian pintar bersama industri, latihan praktikal di peringkat antarabangsa, menyemai nilai positif dan program mobiliti pelajar. Pihak industri dan majikan akan melihat semua kriteria itu untuk memastikan graduan mampu bersaing dalam pasaran yang semakin mencabar.

Menurut Zainal (n.d), kebolehpasaran graduan perlulah merangkumi elemen berikut :

- a. keserasian/kesetujuan/bersesuaian, iaitu kebolehan membangunkan bentuk penyelesaian yang serasi dengan budaya dan matlamat kerja
- b. kefleksibelan, iaitu kebolehpayaan dalam menyediakan khidmat kerja yang sesuai dan sepadan dengan projek atau tugas yang sedang dijalankan
- c. kebolehpercayaan, iaitu dapat bersifat responsif kepada keperluan majikan dan pelanggan, menepati masa dan sasaran kerja; dan
- d. kepekaan, iaitu dapat menjalankan pendekatan kerja yang menepati nilai sebenar kerja yang diperlukan oleh majikan, seperti pendekatan bermaklumat, keberkesanan kos dan sebagainya

Penambahbaikan bagi menyerapkan kriteria ini perlu dilakukan secara berterusan untuk memastikan sesebuah institusi pengajian tinggi itu mampu mengeluarkan graduan yang seimbang, berilmu, berkeperibadian kukuh dan berterampilan dalam pelbagai bidang. Yop (2019) melaporkan Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) menyarankan agar pengurusan universiti memendekkan proses kajian, semakan dan pelaksanaan penawaran program pengajian baharu kepada enam bulan berbanding mengambil masa beberapa

tahun sebelum ini. Ini menunjukkan bahawa pihak industri seakan melontarkan rasa tidak puas hati mereka ke atas pengurusan institusi pengajian tinggi baik Universiti Awam (UA) mahupun Universiti Swasta (US). Dengan itulah wujudnya kepentingan dalam menjalinkan kerjasama bersama pihak industri supaya dapat mencapai kata sepakat dalam melahirkan graduan yang seimbang dan dapat memuaskan hati semua pihak baik tenaga pakar akademik mahupun tenaga pakar industri.

SOROTAN LITERATUR

1. Latihan Kemahiran

Latihan mempunyai pelbagai takrifan yang mana ia merupakan satu kaedah pelaksanaan yang bersistematik yang mempunyai prosedur dan aturan yang tersendiri dalam memastikan sesuatu kemahiran dan bakat dapat diperkembangkan. Latihan juga boleh menjadi satu instrumen dalam meningkatkan kemahiran, tabiat dan juga pengetahuan yang boleh dikembangkan melalui latihan. Latihan juga disifatkan sebagai satu kaedah pelaksanaan dalam sesebuah organisasi dalam memastikan kemahiran dan pengetahuan berada dalam tahap yang optimum dalam melaksanakan pekerjaan yang diberikan. Penyataan ini disokong di dalam satu laporan kajian di mana latihan dan kemahiran digabungkan menjadi satu ayat yang membawa maksud satu aktiviti pembelajaran yang berkaitan dengan perlakuan amali dalam mengaplikasikan dan menggunakan teori yang telah dipelajari. Pendefinisian yang dibawakan ini dapat merumuskan bahawa latihan kemahiran boleh menjadi satu instrumen penting dalam meningkatkan keyakinan individu dalam melaksanakan satu-satu tugas dengan adanya skil yang diperoleh dari beberapa slot latihan yang dijalani.

Latihan kemahiran adalah aktiviti pembelajaran secara praktikal untuk mengukuhkan lagi teori pembelajaran yang telah sedia di terima secara formal. Latihan ini akan mendedahkan pelajar kepada suasana persekitaran kerja sebenar dalam mengaplikasikan pengetahuan sedia ada mereka dan meningkatkan lagi tahap kemahiran mereka (Fatimatuzzahro Amin, 2012).

2. Kerjasama Teknikal

Mengikut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat teknikal boleh ditakrifkan sebagai apa jua yang berkaitan dengan pelaksanaan sesuatu kerja. Dalam erti kata lain, kerjasama teknikal adalah satu usahasama yang dijalinkan dengan bantuan atau sokongan dari agensi-agensi yang lain. Kerjasama teknikal bukan sahaja merangkumi bantuan asas tapi boleh juga apa jua bentuk usahasama sokongan untuk menjayakan satu-satu pelaksanaan tugas yang sedang dilakukan. Perkhidmatan teknikal dikategorikan sebagai perkhidmatan sokongan secara tidak langsung kepada pencapaian tahap pembelajaran dan kemahiran. Contohnya ialah bantuan kewangan dan bantuan kemudahan infrastruktur (Amin, 2020). Bantuan secara tidak langsung inilah yang boleh

menjadi satu elemen penting di dalam memastikan satu usahasama berjalan lancar.

Amin (2012) melaporkan perkhidmatan teknikal merujuk kepada aspek seperti kewangan, fasiliti, pengurusan, dan operasi. Ianya melibatkan keperluan sokongan dalam sesebuah proses pembelajaran seperti yang di tunjukkan dalam jenis perkongsian mengikut kemasukan, operasi dan keluaran. Kerjasama institusi pendidikan - industri dari segi sokongan teknikal di pengaruhi oleh kehendak dan keperluan antara institusi dan industri bagi menyediakan kelengkapan yang efektif terhadap proses untuk menghasilkan graduan yang berkualiti.

3. Kerjasama Inovasi

Syahira (2929) melaporkan bahawa inovasi juga termasuk tindakan, proses dan keputusan. Inovasi yang didorong oleh pekerja adalah satu bentuk inovasi baru. Penglibatan dalam inovasi serta dalam penyelidikan dan amalan telah memberi tumpuan terutamanya kepada apa yang dipanggil inovasi berasaskan R & D (Penyelidikan dan Pembangunan). Jalinan kerjasama bersama industri dalam membangunkan aspek inovasi juga adalah satu usahasama baik bagi mencungkil bakat para pelajar dalam aspek kreativiti mereka dan juga kemampuan mereka untuk mencipta satu bentuk rekacipta yang baru dan berdaya saing.

Menurut Mohamed (2018), melalui subsidi kerajaan kepada industri, mereka boleh menyumbang kembali kepada pembangunan bakat atau modal insan di IPT. Peluang ini seharusnya digunakan oleh industri untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan dengan menyumbang kepada dana penyelidikan untuk pelajar pascasiswazah.

PERMASALAHAN KAJIAN

Menurut Zainal (2018), jika dilihat pada masa kini, walaupun graduan mempunyai keputusan yang cemerlang dalam akademik tetapi mereka tidak mampu berhujah mahu pun mengeluarkan pemikiran yang bernas mengenai pelbagai isu. Selain sukar menguasai Bahasa Inggeris dengan baik, cara berkomunikasi graduan-graduan juga tidak dapat menyakinkan syarikat-syarikat terlibat. Cara mereka memberi penjelasan menunjukkan pengetahuan mereka hanya terbatas kepada sesuatu perkara sahaja dan gagal memberi jawapan yang menarik mengenai sumbangan yang dapat mereka berikan terhadap syarikat yang dipohon. Siti Zuliana (2995) menyatakan bahawa dalam seminar bertemakan "Education For All" 1990 yang dianjurkan oleh Bank Dunia, UNICEF dan UNESCO (Siti Zuliana, 2005), kemahiran asas tidak lagi terbatas kepada 3M ; Membaca, Menulis, Mengira, tetapi ditambahkan dua kemahiran lagi iaitu kemahiran berfikir secara kreatif dan kemahiran saintifik. Ini jelas memperlihatkan bahawa Pendidikan sejagat kini bukan sahaja mementingkan skil dan kemahiran yang tinggi malah seseorang individu juga perlulah mempunyai pemikiran yang kreatif dan dapat menggunakan daya imajinasi

mereka dalam menghasilkan satu-satu produk atau perkhidmatan. Jelaslah di sini graduan yang mempunyai pemikiran kreatif dan inovatif sangat diperlukan untuk memberi sumbangan kepada negara kelak.

Dalam satu penulisan oleh salah seorang penyelidik dari UTHM turut bersetuju bahawa graduan yang dihasilkan tidak memiliki kemahiran teknikal yang merangkumi aspek kaedah, prosedur dan teknik seperti yang diperlukan oleh majikan (Hanafi, 2015). Ini merupakan fenomena yang perlu dipandang secara serius bukan sahaja oleh pihak kerajaan secara umumnya tetapi pastinya kesemua institusi pengajian tinggi baik awam mahupun swasta memandangkan kadar pengangguran dalam kumpulan belia dilihat semakin meningkat berikutan penularan pandemik COVID 19 sejak bulan Mac 2020 yang lalu iaitu dengan kadar pengangguran semakin meningkat (12.9 peratus), lebih tinggi berbanding 11.3 peratus (Azahar, 2020). Disebabkan golongan ini dilihat sebagai salah satu golongan yang terkesan teruk dari senario pengangguran ini, pastinya ada kelompondan yang perlu ditambah baik untuk memastikan golongan ini mendapat sedikit kelebihan selepas mereka tamat pengajian di sesebuah institusi.

Ahmad (2020) menyatakan bahawa kerjasama strategik antara institusi pengajian tinggi (IPT) bersama industri dan agensi kerajaan perlu terus diperkasa untuk membantu menyelesaikan permasalahan sebenar dalam komuniti. Antara inisiatif yang diperkenalkan pada Disember 2020 lepas ialah program SULAM, di mana ini merupakan kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang menggabungkan hasil pembelajaran kursus dengan khidmat komuniti di mana nilai kredit dan jam pelaksanaan khidmat komuniti itu dikira dalam jumlah jam pelajar belajar bagi kursus yang berkaitan di Institusi Pengajian Tinggi mereka masing-masing. Program sebegini dilihat mampu memberikan kelebihan kepada para pelajar dari segi proses pendedahan awal dalam bidang pengajian yang diceburi dan dalam masa sama pihak industri juga dapat melihat potensi para pelajar pada peringkat pengajian lagi. Jalinan-jalinan kerjasama strategik sebegini patut dititik berat oleh semua institusi pengajian tinggi dan patut dijadikan sebagai satu penanda aras dalam menentukan kebolehpasaran graduan di sesebuah institusi.

Penyataan ini menunjukkan bahawa sesebuah institusi pengajian tinggi perlu mengenal pasti bentuk jalinan kerjasama yang perlu dibangunkan dalam membentuk graduan yang holistik. Dalam melahirkan graduan yang holistik, ini bukan sahaja peranan dari sebelah pihak semata-mata tetapi memerlukan kerjasama dari semua pihak berkepentingan bagi memastikan tidak berlaku tuding menuding jari antara satu sama lain apabila berlakunya kes pengangguran yang semakin meningkat di kalangan graduan. Penyataan ini juga disokong oleh laporan dari Kementerian Pendidikan (2018) di mana menunjukkan kadar kebolehpasaran graduan pada 2017 meningkat sebanyak 1.8 peratus sahaja, iaitu daripada 77.3 peratus bagi 2016 kepada 79.1 peratus bagi 2017 di mana ini menunjukkan pihak institusi pengajian tinggi menghadapi cabaran dari segi melahirkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran seiring dengan kehendak industri.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengenalpasti persepi staf KUIM tentang jalinan kerjasama berbentuk latihan kemahiran antara institusi pengajian tinggi dengan industri dalam penambahbaikan kebolehpasaran graduan.
- ii. Mengenalpasti persepi staf KUIM tentang jalinan kerjasama teknikal antara institusi pengajian tinggi dengan industri dalam penambahbaikan kebolehpasaran graduan.
- iii. Mengenalpasti persepi staf KUIM tentang jalinan kerjasama inovasi antara institusi pengajian tinggi dengan industri dalam penambahbaikan kebolehpasaran graduan.

REKA BENTUK KAJIAN

Penyelidikan ini berbentuk deskriptif kuantitatif yang menggunakan kaedah pengumpulan data. Reka bentuk ini lebih menjadi pilihan dan data boleh dikumpul dengan sempurna (Creswell, 2013). Bagi mencapai keseluruhan objektif kajian ini, penyelidik menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Kerana dengan mengendalikan kajian tinjauan penyelidik perlu meninjau situasi pada sesuatu masa dan kajian tersebut dapat membantu lanjutan terhadap kajian seterusnya. Yusri (2017) menyatakan bahawa kaedah tinjauan membolehkan pengkaji untuk mengumpul data dalam satu tempoh waktu yang singkat dan analisisnya lebih berobjektif untuk menjawab persoalan kajian yang ditinjau. Analisis deskriptif seperti frekuensi, min mod, median, peratusan digunakan untuk menerangkan tentang gambaran responden yang menjawab soal selidik bagi kajian ini dan seterusnya penyelidik menggunakan analisis korelasi dan analisis regresi berganda digunakan dalam mendapatkan hasil kajian bertujuan mencapai objektif yang dinyatakan.

Instrumen yang dipilih adalah melalui kaedah soal selidik yang dibangunkan dengan menggunakan skala Likert. Louis *et al.*, (2003), soal selidik merupakan instrumen yang sesuai dan berkesan digunakan dalam kajian tinjauan dan Bailey (1992) juga bersetuju bahawa soal selidik merupakan satu instrumen yang bersifat logik, saintifik dan khusus (Bailey 1992). Soal selidik ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu Bahagian A (Latarbelakang responden), Bahagian B (Kesan jalinan kerjasama ke atas kebolehpasaran graduan), Bahagian C (Kepentingan jalinan kerjasama berbentuk latihan kemahiran), Bahagian D (Kepentingan jalinan kerjasama teknikal) dan Bahagian E (Kepentingan jalinan kerjasama inovasi).

Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada kepada staf akademik dan staf pentadbiran di dalam Kolej Universiti Islam Melaka sebagai populasi sasaran kerana mahu melihat sudut pandang staf-staf di KUIM sendiri bagi melihat kesedaran sampel dipilih tentang jalinan kerjasama antara industri yang perlu diwujudkan bagi menambahbaik kebolehpasaran graduan. Teknik persampelan boleh digunakan untuk membuat kesimpulan tentang populasi dan bergantung kepada pilihan teknik persampelan. Secara umumnya, reka bentuk persampelan terbahagi kepada dua jenis, iaitu persampelan kebarangkalian atau rawak dan

persampelan bukan kebarangkalian atau bukan rawak. Menurut Hamed (2016), persampelan kebarangkalian adalah teknik persampelan di mana setiap ahli populasi mempunyai kebarangkalian pemilihan yang tidak diketahui dan bukan. Manakala, persampelan bukan kebarangkalian adalah teknik persampelan di mana unit sampel dipilih berdasarkan penghakiman atau kemudahan peribadi.

Teknik persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan kebarangkalian. Terdapat empat jenis persampelan kebarangkalian yang merangkumi persampelan rawak mudah, persampelan bersistematik, persampelan berkelompok dan persampelan berlapis. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan persampelan rawak mudah di mana sampel responden diambil dari keseluruhan populasi sasaran memandangkan data yang dikumpul adalah secara atas talian dan lebih mudah untuk mendapatkan jawapan dari responden dalam tempoh pelaksanaan kawalan pergerakan ini.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa lebih 50% responden bersetuju bahawa jalinan kerjasama yang positif terbentuk antara pihak industri dan juga Institusi Pengajian tinggi mampu memberikan impak kepada kebolehpasaran graduan di mana ini memberikan satu petanda baik bagi Kolej Universiti Islam Melaka kerana rata-rata staf baik akademik ataupun pentadbiran nyata bersetuju bahawa bentuk jalinan kerjasama bersama industri perlu dipelabagakan untuk menambahbaik kebolehpasaran graduan di KUIM khususnya. Mohamed (2018) juga bersetuju bahawa kerangka baru perlu dibangunkan antara dua entiti ini supaya dapat melahirkan graduan yang bukan sahaja mempunyai kebolehpasaran yang tinggi malah dapat berdaya saing. Dalam laporannya, tiga kerangka baru dicadangkan bagi mewujudkan satu impak yang lebih besar dalam kebolehpasaran graduan iaitu penstrukturan semula Latihan Industri di peringkat institusi, projek penyelidikan bersama dan juga jalinan hubungan yang baik antara universiti dan industri bagi mengukuhkan lagi keterlibatan staf, pelajar dan juga pihak industri.

Seterusnya ujian korelasi Pearson digunakan bagi menentukan hubungan di antara jenis jalinan hubungan kerjasama dengan kesan ke atas kebolehpasaran graduan. Hasil dapatan kajian menunjukkan kesemua pemboleh ubah berada dalam kekuatan hubungan yang kuat dan sangat positif jika dirujuk dalam Jadual 1, kesemua pembolehubahnya antara 0.8 ke 1. Jalinan kerjasama yang mempunyai nilai paling tinggi iaitu sebanyak 0.884 adalah pembolehubah jalinan kerjasama berbentuk latihan kemahiran di mana kebanyakan responden bersetuju bahawa latihan industri yang dipraktikkan di dalam kebanyakan program di dalam institusi pengajian tinggi kepada pelajar merupakan satu bentuk persediaan penting kepada graduan dalam menghadapi dunia pekerjaan. Othman (2020) menyebutkan dalam laporannya bahawa kegagalan penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan graduan akan memberi kesan kepada diri graduan dan pasaran kerja yang sentiasa memerlukan pekerja yang kompeten dalam pelbagai bidang serta produktif jadi di sini penguasaan latihan kemahiran bagi pelajar adalah sangat penting

dalam memastikan para pelajar dapat menyesuaikan diri dengan senang sewaktu dalam alam pekerjaan.

Jadual 1: Korelasi Pemboleh Ubah Kebolehpasaran Graduan Dengan Bentuk Jalinan Kerjasama

Pembolehubah Bebas	Nilai Korelasi
Jalinan kerjasama Latihan kemahiran	0.884
Jalinan kerjasama teknikal	0.878
Jalinan kerjasama inovasi	0.865

Analisis regresi Linear ialah kaedah yang digunakan untuk menilai satu atau lebih daripada satu pemboleh ubah bebas untuk menjelaskan hubungan dalam pembolehubah yang bergantung. Regresi linear mendapati garis terbaik yang meramalkan pemboleh ubah bergantung dari pemboleh ubah bebas (Mohamed, 2015). Dalam kajian ini analisis regresi adalah digunakan untuk mengenal pasti keberkesanan daripada pembolehubah bersandar, iaitu jalinan kerjasama latihan kemahiran, jalinan kerjasama teknikal, dan juga kerjasama inovasi dengan kebolehpasaran graduan.

Jadual 2: Nilai Regresi Antara Pemboleh Ubah Bersandar Dan Tidak Bersandar

Pemboleh ubah Bebas	Nilai Regresi
Jalinan kerjasama berbentuk latihan kemahiran	0.201
Jalinan kerjasama teknikal	- 0.101
Jalinan kerjasama inovasi	0.492

Berdasarkan jadual di atas, terdapat kedudukan nilai regresi untuk pemboleh ubah bebas dari yang tertinggi kepada yang paling rendah untuk menunjukkan betapa banyak peringkat terhadap pemboleh ubah bergantung. Jika dirujuk dari jadual diatas kerjasama inovasi adalah pembolehubah yang menyumbang paling tinggi kepada variasi pemboleh ubah bersandar (kebolehpasaran graduan) kerana nilai Beta yang berada di bawah pekali standard untuk kerjasama inovasi adalah yang terbesar 0.492, jika dibandingkan dengan pemboleh ubah bebas lain (jalinan kerjasama latihan kemahiran dan jalinan kerjasama teknikal). Ini bermakna jalinan kerjasama inovasi menjadikan sumbangan yang paling kuat untuk menjelaskan hubungan dengan pembolehubah bersandar, iaitu kebolehpasaran graduan. Rata-rata responden bersetuju bahawa pendedahan kepada aktiviti inovasi dan kreatif ini sangatlah perlu dan harus digiatkan dengan lebih aktif supaya dapat melahirkan graduan yang lebih berdaya saing dengan menunjukkan daya imajinasinya melalui produk inovasi dan kreatif yang dihasilkan. Jalinan kerjasama inovasi kini bukan lagi satu peluang kerjasama yang khusus pada individu terpilih atau institusi terpilih sahaja tetapi kini penggiat industri perlu memberi peluang yang lebih terbuka kepada kesemua institusi awam dan swasta bagi memberikan

input kepada para pelajar untuk lebih berdaya saing. Para pelajar perlu didedahkan dengan pertandingan rekacipta inovasi yang dianjurkan pihak luar supaya para pelajar mampu menyumbangkan idea dan juga sumbangan pada pihak industri dan dalam masa sama dapat menaikkan reputasi institusi berkenaan.

KESIMPULAN

Kelestarian sesebuah Institusi Pengajian Tinggi kini bukan lagi bergantung kepada kuantiti pelajar yang tamat pengajian tetapi kini kualiti para pelajar dan kebolehpasaran graduan itu sendiri yang akan dipandang oleh kebanyakan penggiat industri. Kesiapsiagaan para graduan dalam menempuh dunia pekerjaan haruslah bermula dari peringkat pengajian lagi di mana pihak institusi perlu bekerjasama dengan pihak Fakulti untuk mengenalpasti elemen dan aspek yang perlu ditambah baik untuk meningkatkan persediaan para pelajar. Latihan kemahiran yang kebiasaannya diterapkan di dalam peringkat pengajian bukan sahaja perlu dilihat dari aspek tempoh latihan tetapi juga perlu dilihat secara keseluruhannya supaya latihan kemahiran antara industri dan pengajian tinggi itu dapat mencapai objektifnya di tahap yang maksimum. Jalinan kerjasama teknikal seperti usahasama industri dalam menyumbangkan subsidi kepada para pelajar dan juga staf diyakini dapat membantu meningkatkan lagi penglibatan terus dalam meningkatkan kemahiran mahupun kepakaran. Selain dari itu, jalinan kerjasama inovasi dapat diperkukuhkan sekiranya pihak industri dan institusi saling membuka peluang dan memberi peluang penglibatan semua pihak dalam menghasilkan satu reka cipta dan inoasi di mana gabungan penggunaan teknologi terkini, kreativiti pemasaran dan produk mampu menerjah halangan globalisasi seperti yang diaplikasikan oleh Ali Baba. Pihak Institusi Pengajian Tinggi baik Awam mahupun Swasta perlu berganding erat dalam melentur segala kekuatan dan kepakaran dalam membantu penggiat industri menggunakan ahli akademik untuk membantu inovasi produk serta perkhidmatan mereka dan dalam masa sama dapat memperbaiki kebolehpasaran graduan yang dimiliki.

RUJUKAN

- Azali Mohamed (2018). Kerjasama erat IPT, industri tingkat kebolehpasaran graduan. *BH Online*, diperoleh pada 20 Januari 2020, di <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2018/09/477402/kerjasa-ma-erat-ipt-industri-tingkat-kebolehpasaran-graduan>
- Bailey, K.D. 1984. *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Terj. Hashim Awang. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Beijerse, R. P. (1999). "Questions in knowledge management: defining and conceptualising a phenomenon", *Journal of Knowledge Management*, Vol.3 (2), pp.94-109
- Creswell, J.W. 2013. *Research Design. Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approach*. Los Angeles: SAGE Publications, Ltd

- Daya Saing Graduan Lepasn Tempatan Dengan Graduan Lepasn Luar Negara Institusi Pengajian Tinggi (IPT), *Kertas Konsep*, Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN).
- Fatimatuazzahro Amin (2012). Kerjasama Institusi Pendidikan – Industri di Politeknik Merlimau, diperoleh pada 21 Januari 2020 di http://eprints.uthm.edu.my/id/eprint/4218/1/FATIMATUZZAHRO_AMIN.pdf
- Hamed. T. (2016), Sampling Methods in Research Methodology; How to Choose a Sampling Technique for Research. *International Journal of Academic Research in Management (IJARM)*, Vol. 5, No. 2, 18-27. Diperoleh pada 4 March, 2019, dari file:///C:/Users/User/Downloads/SamplingMethodinResearchMethodologyHowtoChooseaSamplingTechniqueforResearch.pdf
- Krejcie, R., & Morgan, D. (1970). *Determine Sample Size for Research*. Education and Psychological
- McCampbell, A.S., Clare, L.M. and Gitters, S.H. (1999). 'Knowledge management: the new challenge for the 21st century', *Journal of Knowledge Management*, Vol. 3, No. 3, pp. 172-179.
- McDermott, R. and O'Rell, C. (2001). The New Challenge For The 21st Century." *Journal of Knowledge Management*. Vol. 3(3), 172-179.
- Mohamed, A. Z. (2015). *Correlation and Regression Analysis: Organisation of Islamic Cooperation*.
- Norasmah , O. (2017). Daya Tahan Pelajar Universiti Awam dan Universiti Swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(1), 77-86.
- Norsyuhaili, S., Samsol Kamal, M., & Mohd Salleh , Y. (2016). Memperluas TVET Bagi Melahirkan Tenaga Kerja Berpendapatan Tinggi.
- Rahazimah , I., & Abdul Razaq, A. (2018). Pengukuhan Kemahiran Insaniah Pelajar Tahun Akhir Di IPT : Cabaran Menempuhi Alam Kerjaya. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2018)*.
- Yusri, M. (2017). *Sembang Santai Penyelidikan*. Besut: Firdaus Press Sdn Bhd